

POKOK TUMBANG SEKITAR LEMBAH KLANG

# Pantau landskap dua kali sebulan elak risiko bencana

➔ Banyak pokok alami stres kerana bahagian akar disimen

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pihak bertanggungjawab terhadap penilaian pokok dan landskap atau 'arborist' perlu meningkatkan pemantauan terhadap pokok sekurang-kurangnya dua kali sebulan bagi mengelak risiko bencana terhadap orang awam akibat pokok tumbang dan dahan patah.

Presiden Persatuan Arborist Malaysia (PAM), Prof Dr Ahmad Ainuddin Nuruddin, berkata ketika ini pemantauan dilakukan secara berkala menyebabkan ada pokok yang tumbang kerana lewat di kesan arborist.

Beliau berkata, kebanyakan kes pokok landskap di pusat bandar tumbang akibat akar dan batang pokok reput, serangan kulat atau serangga seperti anai-anai dan masalah akar akibat pembinaan.

Faktor lain, katanya, adalah kesilapan teknik pemangkasan dan penyelenggaraan menyebabkan tumbuhan yang sihat menjadi rosak dan mati seterusnya berisiko tumbang yang membahayakan orang ramai.

"Setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) akan melantik 'arborist' untuk memantau dan menyelenggara pokok, namun pemantauan secara berkala atau tidak kerap, menyebabkan mereka gagal me-

ngesan pokok berisiko tumbang.

"Pokok yang mengalami pereputan pada akar dan rosak akibat batang dimakan ulat mudah di kesan apabila daunnya mengecil dan pokok ditumbuhi banyak tumbuhan pautan setempat, ini amat bahaya dan perlu ditebang," katanya kepada BH, semalam.

Selasa lalu, sepasang suami isteri cedera selepas motosikal dinaiki mereka merempuh sebatang pokok spesies Hujan-Hujan berusia 130 tahun yang tumbang di Jalan Ampang, berdekatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

## Air tak mengalir ke akar

Sementara itu, Ahmad Ainuddin yang juga Timbalan Pengarah Institut Perhutanan Tropika Dan Produk Hutan (INTROP) Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata banyak pokok di bandar yang tumbang kerana mengalami stres.

Katanya, ia berpunca apabila batang pokok berkenaan disimen menyebabkan air tidak dapat mengalir ke bahagian akar sehingga menyebabkan akar reput dan pokok boleh tumbang pada bila-bila masa.

Beliau berkata, ada juga pokok yang ditanam di kawasan jauh dari jalan sebelum ini, kini semakin hampir dengan jalan akibat proses perbandaran yang turut menyebabkan pokok berkenaan mengalami stres kerana bahagian

akar disimen.

## Harap kawasan khas dibina

"Kami harap satu kawasan khas dibina supaya akar berkembang dan elakkan ada simen pada bahagian atas akar. Kita tidak mahu lebih banyak pokok mati yang turut membahayakan orang ramai.

"Akar berperanan menyerap air dan nutrien makanan di samping berfungsi menjadi sauh penyokong untuk menegakkan pokok pada tanah.

"Kestabilan pokok akan terjejas jika sistem akar yang terbentuk terlalu sedikit dan tidak mencukupi disebabkan amaun tanah yang sedikit atau aras air tanah tinggi yang menjejaskan kestabilan pokok," katanya.



Pokok yang mengalami pereputan pada akar dan rosak akibat batang dimakan ulat mudah di kesan apabila daunnya mengecil dan pokok ditumbuhi banyak tumbuhan pautan setempat, ini amat bahaya dan perlu ditebang"

Ahmad Ainuddin Nuruddin,  
Presiden Persatuan Arborist Malaysia



Keratan akhbar  
BH Selasa lalu.